SEKSYEN 4

Pengurusan Hutang

47 **PERSPEKTIF KESELURUHAN**

48 **PEMBIAYAAN**

Sisipan - Sorotan Terbitan Sukuk Global Berdaulat Dolar AS Kerajaan Malaysia 2026

56 **HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN**

Rencana - Membangunkan Pasaran Bon Mata Wang Tempatan: Pengalaman Malaysia dengan Bon dan Sukuk

69 **HUTANG LUAR MALAYSIA**

70 **HUTANG SEKTOR AWAM**

71 **TINJAUAN 2027**

72 **KESIMPULAN**

SEKSYEN 4

Pengurusan Hutang

Perspektif Keseluruhan

Laporan Fiscal Monitor April 2026 oleh IMF menyatakan bahawa hutang awam global kekal pada trajektori meningkat secara mendadak dan diunjur mencecah 95.3% daripada KDNK dunia pada 2026 sekali gus melepasi ambang 100% menjelang 2029. Keadaan ini berikutan defisit fiskal yang besar dalam kalangan ekonomi utama dunia, tekanan perbelanjaan struktur dan beban faedah yang meningkat serta diburukkan lagi oleh ketegangan geopolitik berterusan dan risiko gangguan bekalan. Ketidakstabilan ini ketara pada Ogos dan September 2026 apabila pasaran bon global mengalami tekanan jualan berterusan. Kebimbangan terhadap inflasi, terbitan bon yang tinggi dan hutang berdaulat yang meningkat telah mendorong kadar hasil jangka panjang ke paras tertinggi dalam tempoh beberapa tahun di pelbagai negara, sekali gus memerlukan pembuat dasar mengekalkan kewaspadaan yang tinggi. Situasi tersebut menjelaskan bahawa keyakinan pasaran dan kredibiliti fiskal negara amat sensitif kepada pinjaman berdaulat.

Sungguhpun persekitaran global tidak menentu, Malaysia kekal komited terhadap disiplin fiskal dengan mengutamakan kestabilan makroekonomi dan ketahanan struktur berpandukan kerangka Ekonomi MADANI. Kerajaan terus memacu reformasi struktur yang progresif seperti rasionalisasi subsidi dan peluasan asas hasil dengan menginstitusikan disiplin fiskal dalam Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] seterusnya mengurangkan defisit fiskal dalam jangka masa sederhana. Langkah tersebut akan mengurangkan keperluan pinjaman bersih Kerajaan secara berperingkat bagi memastikan paras hutang kekal dalam had statutori. Langkah konsolidasi fiskal yang disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang mampan akan memastikan trajektori nisbah hutang Kerajaan Persekutuan kepada KDNK ke arah mencapai sasaran jangka masa sederhana di bawah 60%.

Dalam mendepani pergolakan pasaran yang diburukkan lagi oleh peningkatan jualan berterusan di pasaran global, penting untuk Kerajaan memperkemas strategi pinjaman bagi memastikan profil hutang jangka sederhana yang berhemah dan mengekalkan fleksibiliti masa terbitan dan tempoh matang hutang bagi mengimbangi antara kos dengan risiko portfolio. Strategi utama pembiayaan terus tertumpu kepada terbitan domestik dalam denominasi ringgit untuk mengurangkan pendedahan terhadap risiko turun naik kadar tukaran asing. Selain itu, strategi pengurusan hutang menyasarkan keseimbangan profil kematangan dan pengurangan risiko pembiayaan semula dengan mengutamakan terbitan tempoh jangka sederhana dan panjang dalam persekitaran kadar faedah global yang tidak menentu. Namun, Malaysia telah memilih untuk memasuki semula pasaran dolar global pada 2026 melalui terbitan sukuk penanda aras berdenominasi dolar AS dengan mengambil peluang terhadap penawaran terbitan berdaulat yang terhad dan permintaan antarabangsa yang tinggi untuk menetapkan penanda aras harga terkini bagi penerbit hutang korporat Malaysia. Sehubungan dengan itu, pendekatan fiskal dan strategi pinjaman ini akan menyediakan sokongan berterusan kepada pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 – 2030 (RMK13) untuk mencapai agenda pembangunan negara di samping mengekalkan kemampanan fiskal dan kesaksamaan antara generasi.

Pembiayaan

Pembiayaan Kerajaan Persekutuan terus memenuhi dua matlamat utama iaitu membiayai defisit fiskal dan membiayai semula hutang yang matang. Strategi terbitan kekal mengutamakan profil kematangan yang seimbang di samping mengoptimumkan kos pembiayaan. Jumlah pinjaman kasar bagi 2026 diunjurkan sebanyak RM207.1 bilion atau 9.5% daripada KDNK (2025: RM181.7 bilion; 9% daripada KDNK) didorong terutamanya oleh keperluan pembiayaan semula yang lebih tinggi sebanyak RM128.5 bilion (2025: RM106.1 bilion). Bayaran balik prinsipal terdiri daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) berjumlah RM53.7 bilion, Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sebanyak RM55 bilion, Bil Perbendaharaan Malaysia (MTB) sebanyak RM5.5 bilion, Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) sebanyak RM10 bilion dan penebusan pinjaman luar pesisir berjumlah RM4.3 bilion termasuk USD1 bilion dalam sukuk global.

Pinjaman sekuriti jangka sederhana dan panjang diunjurkan pada 35.4% dan 56.8% daripada jumlah pinjaman kasar serta terus mendominasi program pinjaman berbanding kertas jangka pendek sebanyak 7.8% yang terutamanya digunakan sebagai instrumen aliran tunai. Purata wajaran tempoh matang bagi terbitan tahun ini dijangka kekal sekitar 12.3 tahun (2025: 13 tahun) mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan untuk mengurus kos pinjaman di samping meminimumkan risiko pembiayaan semula.

Terbitan ini dilaksanakan terutamanya melalui instrumen berdenominasi ringgit dengan memanfaatkan pasaran modal domestik yang kukuh dan berkecairan tinggi. Terbitan MGS dan MGII dianggarkan sebanyak RM90 bilion dan RM95 bilion atau 43.4% dan 45.9% daripada jumlah pinjaman kasar manakala MTB dan MITB dijangka berjumlah RM16 bilion atau 7.8%. Selain itu, Kerajaan kembali ke pasaran antarabangsa melalui terbitan sukuk bernilai USD1.5 bilion pada spread paling rendah pernah dicapai sekali gus mengesahkan kedudukan kukuh Malaysia dalam pasaran modal global.

JADUAL 4.1. *Pembiayaan Kerajaan Persekutuan, 2025 – 2026*

	RM JUTA		BAHAGIAN (%)	
	2025	2026[2]	2025	2026[2]
Pinjaman kasar	**181,704**	**207,089**	***100.0***	***100.0***
Dalam negeri	**181,704**	**201,000**	***100.0***	***97.1***
MGS	82,500	90,000	*45.4*	*43.4*
MGII	86,000	95,000	*47.3*	*45.9*
MTB	4,379	8,000	*2.4*	*3.9*
MITB	8,825	8,000	*4.9*	*3.9*
Luar pesisir	**-**	**6,089**	**-**	***2.9***
Pinjaman pasaran	-	6,089	-	*2.9*
Pinjaman projek	-	-	-	-
Bayaran balik	**106,144**	**128,514**	***100.0***	***100.0***
Dalam negeri	101,510	124,243	*95.6*	*96.7*
Luar pesisir	4,634	4,271	*4.4*	*3.3*
Pinjaman bersih	**75,560**	**78,575**	**-**	**-**
Dalam negeri	80,194	76,757	-	-
Luar pesisir	-4,634	1,818	-	-
Perubahan aset[1]	**-271**	**-60**	**-**	**-**
Jumlah pembiayaan defisit	**75,289**	**78,515**	**-**	**-**

[1] (+) menunjukkan penggunaan aset; (-) menunjukkan pertambahan aset
[2] Anggaran

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Bagi tempoh lapan bulan pertama 2026, Kerajaan telah menerbitkan sebanyak RM150.6 bilion atau 72.7% daripada keperluan pinjaman kasar tahunan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM130 bilion diterbitkan melalui MGS dan MGII manakala RM14.5 bilion melalui MTB dan MITB dengan baki selebihnya melalui terbitan luar pesisir. Hasil terimaan terbitan digunakan terutamanya untuk pembayaran balik hutang matang berjumlah RM71 bilion manakala baki sebanyak RM79.6 bilion telah diperuntukkan untuk membiayai defisit dan sebahagian daripada hutang yang akan matang.

Terbitan pada 2026 terus dilaksanakan terutamanya melalui lelongan awam secara bidaan kompetitif dan dijangka menyumbang 83.8% daripada jumlah terbitan manakala selebihnya melalui tawaran persendirian khususnya bagi instrumen jangka panjang. Daripada jumlah terbitan yang dirancang, sebanyak RM85 bilion dijangka dikumpul daripada tujuh terbitan baharu dan sebanyak RM100 bilion daripada 10 pembukaan semula terbitan. Gabungan ini bertujuan menambah baik kebolehdagangan dan mengukuhkan terbitan penanda aras.

Persekitaran kadar faedah global terus dipengaruhi oleh dasar monetari Rizab Persekutuan AS (Fed). Dalam keadaan tekanan inflasi yang berterusan dan ketidaktentuan yang meningkat berhubung prospek ekonomi, Fed telah menaikkan Federal Funds Rate (FFR) sebanyak 25 mata asas (bps) kepada julat sasaran 3.75% hingga 4.00% pada September 2026 berikutan inflasi yang kekal tinggi dan perbelanjaan domestik yang berdaya tahan. Keputusan dasar terkini serta jangkaan terhadap hala tuju kadar faedah AS pada masa hadapan terus mempengaruhi kadar hasil bon global dan agihan portfolio.

Pada peringkat domestik, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) semasa mesyuarat September 2026 mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada paras 2.75% dengan kadar semasa tersebut dinilai akan terus menyokong aktiviti ekonomi negara setelah mengambil kira persekitaran inflasi dan kestabilan kewangan. Perbezaan pendirian dasar monetari antara ekonomi utama dan Malaysia di samping ketegangan geopolitik yang berterusan dan perubahan sentimen risiko global terus menyokong pasaran bon domestik apabila aliran masuk bersih bukan pemastautin terhadap sekuriti hutang Kerajaan Persekutuan mencecah sebanyak RM6.3 bilion sepanjang lapan bulan pertama 2026 (Januari – Ogos 2025: RM15.9 bilion). Peralihan aliran modal antarabangsa dan prospek ekonomi domestik yang positif ini telah memacu aliran masuk yang stabil ke pasaran bon tempatan.

Selaras dengan trend global, kadar hasil mula meningkat bermula Mac 2026 dengan kadar hasil penanda aras MGS untuk tempoh matang 3- hingga 10-tahun melonjak antara 35 hingga 48 bps manakala bagi MGII dalam tempoh matang yang sama meningkat antara 29 hingga 49 bps. Walau bagaimanapun, peningkatan tersebut adalah lebih kecil berbanding kenaikan kadar hasil global seterusnya membolehkan Kerajaan mengurus kos pembiayaan dengan memanfaatkan purata kadar hasil kupon yang lebih rendah. Sehubungan dengan itu, purata wajaran kos pinjaman adalah lebih baik sekitar 3.71% bagi tempoh Januari – Ogos 2026 (Januari – Ogos 2025: 3.79%) walaupun mencatatkan jumlah terbitan yang lebih tinggi.

Permintaan pelabur terhadap sekuriti hutang Kerajaan kekal kukuh bagi tempoh Januari hingga Ogos 2026. Sepanjang tempoh tersebut, bidaan mencatatkan jumlah sebanyak RM255.4 bilion berbanding terbitan sebanyak RM109 bilion bagi sekuriti jangka sederhana dan panjang seterusnya menjadikan purata nisbah bidaan kepada terbitan (BTC) sebanyak 2.34 kali (Januari – Ogos 2025: 2.72 kali). Permintaan bagi pelbagai tempoh matang kekal seimbang dengan sekuriti jangka sederhana merekodkan nisbah purata BTC sebanyak 2.33 kali manakala sekuriti jangka panjang sebanyak 2.35 kali (Januari – Ogos 2025: 2.61 kali; 2.51 kali). Permintaan yang mampan mencerminkan keyakinan dan minat pelabur yang berterusan terhadap sekuriti Kerajaan Malaysia disokong oleh prospek ekonomi yang berdaya tahan, komitmen Kerajaan terhadap konsolidasi fiskal dan pasaran modal domestik yang mapan.

Malaysia terus memperkukuh kedudukan dalam pasaran modal Islam disokong oleh rangka kerja dan ekosistem kawal selia Syariah yang komprehensif serta asas pelabur yang

luas bagi sekuriti patuh Syariah. Pada 2026, jumlah terbitan MGII, MITB dan sukuk global diunjurkan mencatat 52.7% daripada jumlah pinjaman kasar menunjukkan komitmen berterusan Kerajaan dalam mengutamakan program pembiayaan patuh Syariah. Permintaan terhadap sekuriti patuh Syariah Kerajaan kekal teguh dengan bidaan MGII mencatatkan purata nisbah BTC sebanyak 2.48 kali (MGS: 2.21 kali) sementara sukuk berdenominasi dolar AS mendapat sambutan menggalakkan daripada pelabur dengan catatan lebihan langganan sebanyak 4.7 kali. Permintaan yang berterusan ini menandakan asas pelabur yang meluas bagi aset patuh Syariah dan daya tarikan instrumen tersebut sebagai aset pelaburan pendapatan tetap yang berkualiti tinggi.


SISIPAN

Sorotan Terbitan Sukuk Global Berdaulat Dolar AS Kerajaan Malaysia 2026

Pengenalan

Kerajaan Malaysia melakar pencapaian bersejarah menerusi penerbitan dua tranche sukuk global bernilai USD1.5 bilion pada Julai 2026 sekali gus menandakan penyertaan semula negara di pasaran sukuk berdaulat antarabangsa selepas lima tahun. Terbitan sukuk ini mencatatkan spread terendah dalam sejarah dengan lebihan langganan sebanyak 4.7 kali serta jumlah permintaan langganan tertinggi melebihi USD9.5 bilion daripada pelabur institusi berkualiti tinggi di seluruh dunia seperti dalam Rajah 1. Terbitan ini diberikan penarafan kredit berdaulat yang kukuh iaitu A3 daripada Moody's dan A- daripada S&P Global Ratings, seterusnya mendapat sambutan menggalakkan daripada pelabur sekali gus mencerminkan keyakinan terhadap prospek kredit Malaysia yang didorong oleh asas makroekonomi yang kukuh serta komitmen terhadap disiplin fiskal dan pembaharuan struktur yang berterusan.

RAJAH 1. *Sorotan Urus Niaga*



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Urus niaga ini diterbitkan menerusi dua tempoh matang iaitu tranche 5.75-tahun yang berjumlah USD850 juta dan tranche 10-tahun berjumlah USD650 juta. Permintaan pelabur yang kukuh membolehkan Kerajaan menurunkan penetapan harga akhir secara agresif sebanyak 30 mata asas (bps) bagi kedua-dua tranche berbanding Panduan Harga Awal. Sehubungan itu, terbitan bertempoh matang 5.75-tahun ditetapkan pada 15 bps di atas kadar Perbendaharaan AS 5-tahun dengan kadar keuntungan 4.612% setahun manakala terbitan 10-tahun ditetapkan pada 25 bps di atas kadar Perbendaharaan AS 10-tahun dengan kadar keuntungan 4.949% setahun. Ringkasan terma penetapan harga akhir adalah seperti dalam Rajah 2.

RAJAH 2. *Ringkasan Penetapan Harga Akhir Sukuk Global 2026*

BUTIRAN TRANCHE	5.75 - tahun	10 - tahun
Saiz	USD850 juta	USD650 juta
Kadar Keuntungan	4.612% setahun	4.949% setahun
Spread	T+15 bps	T+25 bps
Penarafan (Moody's / S&P)	A3 / A-	


Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Susulan terbitan sukuk global 2026, hutang luar pesisir terkumpul Kerajaan mencatat sebanyak RM23 bilion, kekal di bawah had statutori RM35 bilion yang ditetapkan di bawah Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403] atau hanya sekitar 1.7% daripada jumlah keseluruhan hutang Kerajaan Persekutuan. Peratusan kecil ini mencerminkan strategi pengurusan hutang berhemat dengan meminimumkan pendedahan kepada turun naik mata wang dan ketidaktentuan cabaran pasaran luar. Sebahagian besar portfolio hutang luar pesisir Malaysia adalah berdenominasi dolar AS (sekitar USD3.8 bilion) dan bakinya dalam pelbagai mata wang lain termasuk yen.[1]

Pemilihan strategik tempoh matang 5.75-tahun dan 10-tahun memenuhi dua objektif utama iaitu mewujudkan keluk kadar hasil penanda aras terbitan luar pesisir di samping mengoptimumkan profil kematangan hutang Kerajaan. Penebusan hutang luar pesisir utama akan datang dijadualkan pada 2029 sejajar dengan perancangan obligasi pembiayaan hutang luar pesisir bagi mengurangkan risiko kematangan serentak dan menyokong kemampanan hutang jangka panjang seperti dalam Rajah 3.

[1] Sehingga akhir Julai 2026

RAJAH 3. *Profil Kematangan dan Spread Pinjaman Pasaran Luar Pesisir*



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Struktur dan Aliran Urus Niaga

Terbitan ini berlandaskan struktur Syariah inovatif bersandarkan hak perkhidmatan dalam rangkaian rel pengangkutan awam bandar di Malaysia. Urus niaga ini berdasarkan konsep Manafae selaras dengan piawaian Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI) sekali gus memperkukuh peranan Malaysia sebagai peneraju pembangunan kewangan Islam dan kedudukan sebagai hab global utama bagi terbitan sukuk. Kerangka terbitan ini melibatkan tiga pihak utama seperti berikut:

i. **Kerajaan Malaysia:** Bertindak sebagai Obligor dan ejen bagi menguruskan portfolio aset Wakalah Manafae;

ii. **Malaysia Sovereign Sukuk Berhad (MSSB):** Syarikat Bertujuan Khas (SPV) milik penuh Kerajaan Malaysia yang berperanan sebagai pengantara kepada transaksi terbitan dan Pemegang Amanah bagi pihak pelabur; dan

iii. **Pelabur:** Pemegang sijil sukuk yang memegang hak pemilikan Sijil Amanah secara benefisial.

Berdasarkan struktur ini, aset sandaran terdiri daripada hak perkhidmatan bagi rangkaian rel transit awam bandar. Hak perkhidmatan tersebut diamanahkan kepada MSSB dan dinilai berdasarkan kos pengoperasian rel bagi setiap penumpang sekilometer. Di bawah mekanisme ini, pelabur tidak mempunyai tuntutan secara langsung terhadap infrastruktur rel fizikal memandangkan tiada aset fizikal dipindahkan kepada pelabur. Sebaliknya, MSSB selaku Pemegang Amanah memegang hak pengoperasian yang menjadi nilai sandaran sukuk ini. Perincian struktur sukuk dan aliran urus niaga adalah seperti dalam Rajah 4.

RAJAH 4. *Struktur Urus Niaga Sukuk*



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Perspektif Keseluruhan Jerayawara

Jerayawara pelabur secara meluas termasuk libat urus dalam talian telah dilaksanakan merentasi hab kewangan utama dunia. Sesi libat urus ini telah mendapat sambutan menggalakkan apabila lebih 230 pelabur tempatan dan global mewakili sekitar 150 institusi telah menyertai sesi tersebut. Penglibatan secara langsung dalam jerayawara ini diterjemahkan kepada permintaan yang kukuh dengan 35 institusi menyertai tranche 5.75-tahun dan 40 institusi menyertai tranche 10-tahun (31 institusi menyertai kedua-dua tranche). Secara keseluruhan, institusi yang terlibat dalam sesi libat urus ini telah menyumbang kepada jumlah langganan sebanyak USD2.9 bilion atau 41% daripada jumlah langganan akhir sekali gus menggambarkan kejayaan jerayawara ini.

Agihan Pelabur

Agihan Mengikut Geografi


Agihan terbitan menunjukkan permintaan mengikut geografi yang luas merentasi kedua-dua tranche. Agihan utama untuk tranche 5.75-tahun didominasi oleh pelabur Asia kecuali Malaysia yang merangkumi 42% daripada jumlah langganan, diikuti oleh Malaysia (34%), Eropah (14%), AS (5%), serta Timur Tengah dan Afrika (MEA) (5%). Bagi tranche 10-tahun pula, pasaran Asia kecuali Malaysia mewakili 40% daripada peruntukan diikuti Malaysia (23%), AS (19%), Eropah (14%) dan MEA (4%).

Agihan Mengikut Kategori Pelabur

Pecahan agihan terbitan memperlihat kecenderungan yang berbeza dalam kalangan pelabur yang pelbagai. Dari segi profil pelabur, terbitan bertempoh matang 5.75-tahun diagihkan kepada bank dan institusi kewangan (43%), pengurus aset dan dana (27%), bank pusat, korporat dan bank persendirian

(15%), institusi sektor awam dan dana kekayaan berdaulat (8%) serta syarikat insurans dan dana persaraan (7%). Sementara itu, terbitan bertempoh matang 10-tahun didominasi oleh pengurus aset dan dana sebanyak 59% diikuti oleh institusi kewangan dan bank (30%) dengan baki 11% diperuntukkan kepada bank pusat, korporat dan bank persendirian. Agihan pelabur ini seperti dalam Rajah 5.

RAJAH 5. *Profil Pelabur*



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Kesimpulan

Terbitan bersejarah ini berjaya mencatat kadar spread terendah yang pernah dilakar dalam program terbitan sukuk global negara. Malaysia telah membuat kemunculan yang amat dinantikan di pasaran luar pesisir sekali gus menjadi pemangkin dalam mendorong momentum permintaan di samping mengekalkan strategi pinjaman keseluruhan yang mengutamakan pasaran domestik dan menembusi pasaran global secara terpilih. Urus niaga ini memperkukuh kedudukan negara sebagai peneraju dalam pasaran modal Islam global serta membuktikan keupayaan untuk memperoleh pembiayaan antarabangsa jangka masa panjang yang berkualiti tinggi pada kos yang optimum meskipun berdepan ketidaktentuan pasaran global.

Melangkaui kejayaan ini, terbitan sukuk global 2026 mewujudkan penanda aras keluk kadar hasil yang baharu bagi entiti Malaysia termasuk syarikat berkaitan kerajaan dan penerbit korporat yang berhasrat mendapatkan pembiayaan luar pesisir. Secara keseluruhan, terbitan ini bukan hanya sekadar pinjaman, sebaliknya satu manifestasi komitmen terhadap masa hadapan negara, memantapkan lagi taraf berdaulat Malaysia. Justeru, keberadaan negara di pasaran kewangan dunia terus disegani demi membina Malaysia yang lebih makmur dan berdaya tahan untuk rakyat.

Rujukan

Investing.com. (2026, 9 Julai). *Moody's assigns A3 rating to Malaysia sukuk on government backing*. Juricic, L. https://www.investing.com/news/world-news/moodys-assigns-a3-rating-to-malaysia-sukuk-on-government-backing-93CH-4784600

Kementerian Kewangan Malaysia. (2026, 24 Julai). *Sukuk global Malaysia bernilai US$1.5 bilion catat lebihan langganan 4.7 kali*. https://www.mof.gov.my/portal/ms/berita/akhbar/sukuk-global-malaysia-bernilai-us-1-5-bilion-catat-lebihan-langganan-4-7-kali

S&P Global Ratings. (2026, 9 Julai). *Presale: Malaysia Sovereign Sukuk Bhd*. https://www.spglobal.com/ratings/en/regulatory/article//view/sourceId/101686139

The Edge Malaysia. (2026, 25 Julai). *Malaysia's global sukuk 4.7 times oversubscribed, priced at record-low spreads*. https://theedgemalaysia.com/node/811896

Hutang Kerajaan Persekutuan

Sehingga akhir Jun 2026, hutang Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1,378.9 bilion bersamaan 63.1% daripada KDNK. Paras ini menunjukkan perkembangan yang stabil ke arah mencapai sasaran hutang jangka masa sederhana 60% seperti yang ditetapkan di bawah Akta 850. Pada masa yang sama, Kerajaan kekal berdisiplin dalam mematuhi had statutori yang diperuntukkan di bawah perundangan hutang iaitu Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637], Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188] dan Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403]. Hutang terkumpul bagi setiap instrumen kekal dalam had statutori seperti dalam Jadual 4.2.

Profil hutang Malaysia terus menunjukkan struktur yang kukuh mencerminkan kecairan domestik yang mencukupi disokong oleh asas pelabur institusi yang luas dan amalan pengurusan hutang yang berhemah. Hutang dalam negeri mewakili 98.8% daripada hutang terkumpul manakala pinjaman luar pesisir berada pada paras 1.2% (2025: 1.6%) sekali gus mengurangkan risiko pertukaran mata wang asing. Pinjaman luar pesisir yang berjumlah RM16.7 bilion ini merangkumi sebanyak RM14.3 bilion dalam bentuk pinjaman pasaran dan RM2.4 bilion dalam pinjaman projek yang berdenominasi terutamanya dalam dolar AS (56%) dan yen (43.9%).

Instrumen patuh Syariah menunjukkan komponen penting dalam struktur hutang merangkumi 47.9% daripada jumlah hutang atau RM660.6 bilion. Terbitan dalam negeri mewakili 98.6% daripada jumlah ini manakala baki terdiri daripada sukuk global berdenominasi dolar AS. Sehingga akhir Jun 2026, instrumen patuh Syariah Kerajaan mendahului komposisi pasaran hutang Islam sebanyak 43.9% diikuti oleh sektor korporat pada 37.3% dan entiti separa-kerajaan pada 18.8%. Komposisi ini menggambarkan peranan Kerajaan dan komitmen berterusan untuk memperkukuh pertumbuhan landskap kewangan Islam di Malaysia.

Selaras dengan strategi pembiayaan Kerajaan, bahagian hutang terkumpul dengan tempoh matang melebihi lima tahun telah meningkat kepada 63.9%. Instrumen MGS telah meningkat kepada RM706.4 bilion dan MGII kepada RM644.3 bilion. Sementara itu, instrumen pasaran wang yang diterbitkan menerusi MTB dan MITB berjumlah RM4.5 bilion dan RM7 bilion. Sehubungan dengan itu, purata wajaran tempoh matang bagi sekuriti hutang terkumpul kekal pada 9.6 tahun sehingga akhir Jun 2026 (2025: 9.6 tahun) membuktikan strategi proaktif untuk mengurangkan risiko pembiayaan semula dan mengoptimumkan kos pembiayaan.

JADUAL 4.2. *Perundangan Hutang*

AKTA	HAD STATUTORI	AKHIR JUN 2026
Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637][1] **Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275][2]**	Jumlah MGS, MGII dan MITB tidak melebihi 65% daripada KDNK	**62.1% daripada KDNK**
Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403]	Pinjaman luar pesisir tidak melebihi RM35 bilion	**RM16.7 bilion**
Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188]	MTB tidak melebihi RM10 bilion	**RM4.5 bilion**

[1] MGS diterbitkan di bawah Akta 637
[2] MGII dan MITB diterbitkan di bawah Akta 275

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 4.3. *Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Instrumen, 2025 – 2026*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2025	2026[1]	2025	2026[1]	2025	2026[1]
Hutang dalam negeri	**1,299,661**	**1,362,226**	***98.4***	***98.8***	***64.2***	***62.3***
MGS	669,861	706,426	*50.7*	*51.2*	*33.1*	*32.3*
MGII	619,800	644,300	*46.9*	*46.7*	*30.6*	*29.5*
MTB	4,500	4,500	*0.3*	*0.3*	*0.2*	*0.2*
MITB	5,500	7,000	*0.5*	*0.6*	*0.3*	*0.3*
Pinjaman luar pesisir	**21,116**	**16,668**	***1.6***	***1.2***	***1.0***	***0.8***
Pinjaman pasaran	18,588	14,314	*1.4*	*1.0*	*0.9*	*0.7*
Pinjaman projek	2,528	2,354	*0.2*	*0.2*	*0.1*	*0.1*
Jumlah	**1,320,777**	**1,378,894**	***100.0***	***100.0***	***65.2***	***63.1***
Item memorandum: Pemegangan hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin	279,218	280,800	*21.5*	*20.6*	*13.8*	*12.8*

[1] Akhir Jun 2026

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Kerajaan terus memberi keutamaan supaya semua obligasi hutang dilunaskan mengikut jadual seperti yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan perundangan berkaitan hutang. Pada 2026, bayaran khidmat hutang (DSC) dianggarkan meningkat sebanyak 6.7% kepada RM57.3 bilion yang merangkumi 15.8% daripada jumlah hasil (2025: RM53.7 bilion; 16%). Pembayaran kupon dan keuntungan bagi hutang dalam negeri merupakan sebahagian besar DSC iaitu sebanyak RM56.6 bilion manakala pinjaman luar berjumlah RM0.7 bilion. Susulan persekitaran kadar hasil yang secara relatif lebih stabil di samping strategi pembiayaan berhemah, purata wajaran kos keseluruhan hutang berkurang sedikit kepada 4.05% sehingga akhir Jun 2026 (2025: 4.06%).

Asas pelabur institusi domestik yang kukuh menyokong daya tahan pasaran kewangan menerusi pemegangan pemastautin yang besar sebanyak RM1,082.6 bilion atau 78.5% daripada jumlah keseluruhan hutang sehingga akhir Jun 2026. Pemegangan ini merangkumi pelbagai entiti termasuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang memiliki pegangan terbesar sebanyak 30.5% diikuti oleh institusi perbankan sebanyak 28.5%. Di samping itu, syarikat insurans memegang sebanyak 5.2%, BNM (3.8%), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) (2.2%), institusi kewangan pembangunan (2.1%) dan lain-lain (6.2%).

Pemegangan bukan pemastautin pula kekal stabil pada RM296.3 bilion atau 21.5% daripada jumlah keseluruhan hutang mencerminkan keyakinan berterusan pelabur antarabangsa jangka masa panjang. Bank pusat/ kerajaan merupakan pemegang utama iaitu 7.6% diikuti oleh antara lainnya syarikat pengurusan aset (7.3%), dana persaraan (3%) dan institusi perbankan (2.8%). Libat urus berterusan dengan komuniti pelabur adalah penting bagi mengekalkan momentum untuk membina keyakinan pelabur, memperkukuh permintaan pasaran dan terus memperluas asas pelabur hutang berdaulat.

JADUAL 4.4. *Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Pemegang, 2025 – 2026*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2025	2026[3]	2025	2026[3]	2025	2026[3]
Pemastautin	**1,023,466**	**1,082,624**	***77.5***	***78.5***	***50.5***	***49.5***
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	386,900	420,785	*29.3*	*30.5*	*19.1*	*19.2*
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	29,945	29,939	*2.3*	*2.2*	*1.5*	*1.4*
Syarikat insurans	72,901	71,111	*5.5*	*5.2*	*3.6*	*3.3*
Bank Negara Malaysia	43,446	52,825	*3.3*	*3.8*	*2.1*	*2.4*
Institusi perbankan	380,702	393,129	*28.8*	*28.5*	*18.8*	*18.0*
Institusi kewangan pembangunan	27,926	29,110	*2.1*	*2.1*	*1.4*	*1.3*
Lain-lain[1]	81,646	85,725	*6.2*	*6.2*	*4.0*	*3.9*
Bukan pemastautin	**297,311**	**296,270**	***22.5***	***21.5***	***14.7***	***13.6***
Pengurusan aset	93,010	100,698	*7.0*	*7.3*	*4.6*	*4.6*
Bank pusat/ kerajaan	95,842	104,936	*7.3*	*7.6*	*4.7*	*4.8*
Institusi perbankan	53,320	38,758	*4.0*	*2.8*	*2.7*	*1.8*
Dana persaraan	44,798	41,883	*3.4*	*3.0*	*2.2*	*1.9*
Syarikat insurans	6,468	6,180	*0.5*	*0.5*	*0.3*	*0.3*
Lain-lain[2]	3,873	3,815	*0.3*	*0.3*	*0.2*	*0.2*
Jumlah	**1,320,777**	**1,378,894**	***100.0***	***100.0***	***65.2***	***63.1***

[1] Termasuk institusi kewangan bukan bank, badan berkanun, syarikat penamaan dan amanah, syarikat kerjasama, sekuriti yang disimpan oleh pelabur institusi dalam bank pusat dan butiran yang tidak dapat diklasifikasikan
[2] Termasuk individu, syarikat bukan kewangan, institusi bilateral dan multilateral serta sektor yang tidak dapat dikenal pasti
[3] Akhir Jun 2026

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

RENCANA

Membangunkan Pasaran Bon Mata Wang Tempatan: Pengalaman Malaysia dengan Bon dan Sukuk

Pasaran bon mata wang tempatan yang matang dan berfungsi dengan baik adalah elemen ketahanan ekonomi yang penting bagi ekonomi sedang pesat membangun. Pasaran ini mewujudkan asas pembiayaan yang boleh dijangka, memperkukuh peralihan dasar monetari serta membiayai projek korporat dan infrastruktur utama bagi membolehkan kerajaan dan sektor korporat memperoleh pembiayaan domestik tanpa bergantung secara berlebihan kepada hutang mata wang asing. Justeru, perkembangan ini memacu pembangunan negara yang mampan di samping menyediakan aset domestik bagi memudahkan strategi pelaburan oleh pelabur institusi.

Malaysia memaksimumkan penggunaan pasaran bon mata wang tempatan untuk menggerakkan pembiayaan infrastruktur sejajar dengan keutamaan rancangan pembangunan lima tahun dan strategi negara yang lebih meluas. Usaha ini secara tidak langsung memenuhi minat pelabur dan menyokong keperluan pembiayaan syarikat tempatan. Pasaran modal domestik yang matang dan sofistikated mengurangkan kebergantungan negara terhadap saluran pembiayaan tradisional secara signifikan serta meminimumkan risiko tumpuan, sekali gus memberikan autonomi dan fleksibiliti yang lebih besar kepada Malaysia untuk membiayai pertumbuhan dan pembangunan jangka masa panjang.

Bermula daripada Pembentukan Asas kepada Daya Tahan Pasaran

Perkembangan pasaran hutang di Malaysia dimulai dengan pembentukan inisiatif utama sejak akhir 1980-an. Usaha ini merangkumi penerbitan Garis Panduan Sekuriti Hutang Persendirian pada 1989; penubuhan agensi penarafan kredit domestik pada 1990; penarafan kredit mandatori bagi sekuriti hutang pada 1992; penubuhan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) pada 1993; dan pengenalan Real Time Electronic Transfer of Funds and Securities (RENTAS) pada 1999. Inisiatif tersebut bersama dengan Pelan Induk Penswastaan telah membentuk asas perundangan, institusi dan operasi dalam menggerakkan modal swasta termasuk keperluan infrastruktur dan pembangunan jangka masa panjang yang lain.

Krisis Kewangan Asia (AFC) 1997 – 1999 telah mendedahkan kerentanan yang berkaitan dengan risiko penumpuan dalam pengantaraan perbankan, struktur pembiayaan jangka pendek, kedalaman pasaran yang terhad dan pendedahan kepada mata wang asing, seterusnya menzahirkan keperluan mendesak bagi agenda pembangunan pasaran modal Malaysia. Tindak balas dasar ini melangkaui pemulihan sektor perbankan dan penyusunan semula hutang korporat kepada pembangunan pasaran modal domestik yang lebih mendalam sekali gus berupaya menggerakkan simpanan dan menyediakan pembiayaan ringgit jangka panjang. Tindak balas ini telah diinstitusikan pada 2001 menerusi Pelan Induk Sektor Kewangan dan Pelan Induk Pasaran Modal yang menyediakan pelan strategik untuk memperkukuh sistem kewangan dan memperluas bon konvensional, sukuk serta sekuriti bersandarkan aset di samping menambah baik infrastruktur pasaran, penetapan harga, penzahiran dan ketelusan maklumat (World Bank Group, 2017; 2024).

Pembangunan pasaran kewangan negara seterusnya berdepan dengan cabaran ekoran Krisis Kewangan Global (GFC) 2008 – 2009. Sebagai tindak balas, Kementerian Kewangan (MOF), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah melaksanakan langkah kawal selia fiskal, monetari serta pasaran kewangan yang saling melengkapi bagi mengekalkan keyakinan pasaran dan menjamin capaian pembiayaan secara berterusan. Kerajaan telah menubuhkan Danajamin Nasional Berhad pada 2009 untuk menyediakan penambahbaikan kredit bagi penerbit bon korporat dan sukuk yang berdaya maju di samping mengaktifkan semula Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat bagi memudahkan penstrukturan semula hutang secara teratur. Pada masa yang sama, BNM menyokong kecairan pasaran kewangan dan melonggarkan syarat monetari (Kementerian Kewangan, 2010) manakala SC memperkenalkan pelbagai langkah untuk memudahkan capaian pasaran modal, memperkemas terma terbitan dan memperkasakan pengawasan pasaran (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2009). Langkah tersebut menunjukkan nilai pasaran bon domestik dan sukuk menjadi saluran pembiayaan alternatif yang diyakini semasa tempoh tekanan luaran.

Asas Pembangunan Pasaran Bon dan Sukuk Malaysia yang Mendalam dan Cair

Pasaran bon mata wang tempatan dan sukuk di Malaysia dibina atas ekosistem dasar awam, kawal selia, infrastruktur, permintaan institusi serta perantaraan pasaran yang saling memperkukuh antara satu sama lain. Kerajaan melalui BNM dan SC telah memperkasakan kerangka terbitan, penzahiran maklumat, perlindungan pelabur dan pasaran modal Islam secara berperingkat manakala neutraliti cukai, insentif terpilih serta dasar pembangunan yang lebih luas menyokong penyertaan pasaran dan pembiayaan ringgit jangka panjang. Projek nasional termasuk penswastaan, pembinaan lebuh raya, program solar berskala besar, perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan infrastruktur air telah mewujudkan rangkaian projek infrastruktur dan pelaburan yang mampan. Pembiayaan mata wang tempatan membantu menghapuskan ketakpadanan mata wang serta meningkatkan daya tarikan pembiayaan domestik kepada penaja, pemberi pinjaman dan pelabur memandangkan hasil projek seperti tarif, tol dan pembayaran pembelian tenaga secara amnya didenominasikan dalam ringgit (World Bank Group, 2024).

Asas dasar ini diperkukuh oleh infrastruktur pasaran yang teguh dan mekanisme penentuan harga yang telus. Sistem RENTAS menyediakan perkhidmatan penjelasan dan simpanan selamat secara masa nyata manakala Fully Automated System for Issuing/Tendering (FAST) memudahkan lelongan pasaran primer yang cekap dan telus. Gabungan sistem tersebut mengurangkan risiko transaksi dan penyelesaian di samping menyediakan teras operasi untuk pasaran bon dan sukuk yang luas. Penyebaran data transaksi dan harga dinilai secara tepat pada masa telah memperkukuh ketelusan, penentuan harga serta keyakinan pelabur.

Sehingga kini, asas pelabur institusi yang matang dan pelbagai kekal sebagai sumber daya tahan utama bagi pasaran hutang Kerajaan Malaysia. Penyertaan pelabur bukan pemastautin membantu dalam memperluas dan mempelbagaikan pasaran merentas Eropah dan Amerika Utara, Asia Timur dan Asia Tenggara, Oseania serta wilayah lain sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap satu sumber permintaan luar. Pemegangan asing tertumpu terutamanya dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) manakala Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dan sukuk korporat sebahagian besarnya kekal dimiliki oleh pelabur domestik. Kepelbagaian asas pelabur ini menyokong terbitan tempoh matang yang lebih panjang, memudahkan perataan tempoh matang dan menyumbang kepada keluk penanda aras yang lebih cair bagi MGS dan MGII.

Pasaran ini terus disokong oleh rangkaian perantara kewangan dan penyedia perkhidmatan khusus yang luas. Peniaga utama, bank pelaburan, institusi kewangan konvensional dan Islam, pemegang amanah, penasihat undang-undang dan Syariah serta pakar profesional lain menyediakan keupayaan penstrukturan, pengunderaitan, pengedaran, usaha wajar, pengurusan risiko dan khidmat nasihat yang diperlukan bagi transaksi yang semakin meningkat. Keupayaan perantaraan ini sangat penting bagi sukuk, bon projek dan pembiayaan infrastruktur untuk membolehkan penerbit mengakses pelbagai kumpulan modal di samping memperluas jenis instrumen yang tersedia kepada pelabur.

Rangkaian ini dilengkapi oleh institusi yang memperkukuh penilaian kredit, penentuan nilai serta ketelusan pasaran. Agensi penarafan kredit domestik menyediakan penilaian bebas terhadap kelayakan kredit pengeluar dan instrumen manakala Bond Pricing Agency Malaysia (BPAM) menyokong penilaian mengikut harga pasaran, pengurusan cagaran, pelaporan portfolio dan

penentuan harga menerusi maklumat harga dinilai dan kadar hasil. Bond and Sukuk Information Exchange (BIX) turut menambah baik ketelusan dengan menyepadukan maklumat terbitan dan pasaran. Secara keseluruhan, institusi tersebut mengurangkan ketidakseimbangan maklumat, memperkukuh disiplin pasaran serta menyokong persekitaran pembiayaan yang lebih berasaskan penzahiran maklumat dan pasaran.

Kedalaman pasaran juga telah dipertingkatkan oleh bon dan sukuk separa-kerajaan dan yang dijamin oleh Kerajaan. Instrumen tersebut membolehkan entiti berkaitan kerajaan, syarikat infrastruktur dan institusi berkaitan pembangunan mengumpul pembiayaan ringgit jangka panjang di samping menawarkan pendedahan kredit antara risiko berdaulat dengan risiko korporat tulen kepada pelabur. Jaminan Kerajaan (GG) dan bentuk penambahbaikan kredit yang lain telah menyokong projek strategik, memperluas penawaran sekuriti jangka panjang dan mewujudkan penetapan harga tambahan di sepanjang spektrum kredit. Aktiviti perjanjian pembelian semula (repo), susunan pembentukan pasaran dan instrumen lindung nilai terus menyokong kecairan pasaran sekunder.

Secara keseluruhan, elemen tersebut membentuk kitaran pembangunan pasaran yang saling memperkukuh: asas dasar dan pengawalseliaan, infrastruktur dan ketelusan pasaran; asas pelabur yang matang dan pelbagai; pengantaraan dan kepakaran pasaran; penentuan harga, penilaian kredit dan maklumat pasaran; serta kecairan dan kedalaman pasaran seperti dalam Rajah 1. Ekosistem bersepadu ini membolehkan penerbit berdaulat, separa-kerajaan dan korporat mengakses pelbagai sumber pembiayaan mata wang tempatan jangka panjang di samping mengurangkan risiko mata wang dan pembiayaan semula secara efektif.

RAJAH 1. *Asas Pembangunan Ekosistem Bon dan Pasaran Sukuk Mata Wang Tempatan Malaysia*




Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Prestasi Pasaran Bon dan Sukuk Malaysia

Pasaran bon dan sukuk Malaysia telah berkembang pesat sepanjang dua dekad yang lalu merentasi segmen berdaulat, separa-kerajaan dan korporat seperti dalam Rajah 2. Pertumbuhan pasaran ini disokong oleh pembangunan serentak bagi MGS dan MGII, instrumen GG dan separa-kerajaan serta

sukuk korporat. Perkembangan ini membolehkan pasaran mempelbagaikan sumber pembiayaan, memanjangkan tempoh matang dan menggerakkan modal domestik jangka panjang untuk pembangunan negara. Peningkatan jumlah bon dan sukuk mata wang tempatan terkumpul bukan sahaja mencerminkan terbitan yang lebih besar malah menunjukkan kesan kumulatif daripada terbitan penanda aras berdaulat yang berkala, permintaan institusi yang kukuh, kawal selia yang diyakini, infrastruktur terbitan dan penyelesaian yang cekap, keupayaan perantara yang berkaliber serta inovasi produk yang berterusan.


RAJAH 2. *Bon dan Sukuk Mata Wang Tempatan Terkumpul*



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bond Pricing Agency Malaysia

Kedalaman pasaran ini turut dicerminkan melalui pembangunan penentuan harga yang telus dan berbeza mengikut spektrum kredit. Kadar hasil indikatif bagi sekuriti Kerajaan diterbitkan oleh BNM manakala BPAM menyediakan harga dinilai dan keluk kadar hasil bagi pelbagai jenis sekuriti dalam denominasi ringgit. Rajah 3 menunjukkan MGS dan MGII membentuk keluk penanda aras berdaulat dan kekal selari secara rapat merentasi tempoh matang manakala sekuriti separa-kerajaan dan sekuriti dengan penarafan AAA didagangkan pada premium yang sederhana dengan spread semakin melebar secara berperingkat bagi kredit AA1 dan A1. Pembezaan yang teratur ini membuktikan keupayaan pasaran untuk menentukan harga bagi risiko tempoh dan risiko kredit. Keluk kadar hasil yang panjang sehingga 30 tahun seterusnya menyediakan rujukan penentuan harga yang penting bagi pengeluar sektor infrastruktur, utiliti dan sektor berintensifkan modal yang lain sekali gus menyokong penstrukturan, penentuan nilai dan pengurusan pembiayaan mata wang tempatan jangka panjang.

RAJAH 3. *Keluk Malar Kadar Hasil hingga Matang pada 25 September 2026*



Sumber: Bond Pricing Agency Malaysia

Profil kredit berdaulat Malaysia terpilih memperkukuh persekitaran penetapan harga ini. Negara ini mengekalkan penarafan berdaulat gred pelaburan dengan prospek yang stabil manakala penunjuk berasaskan pasaran secara umum menunjukkan risiko kedaulatan yang terkawal. Sehingga 25 September 2026, spread pertukaran kredit berdaulat (CDS) 5-tahun Malaysia berada pada 35 mata asas (bps), berbanding 88 bps bagi Indonesia, 40 bps bagi Thailand dan 23 bps bagi Republik Korea. Keyakinan pelabur yang kukuh juga terbukti menerusi terbitan sukuk global Malaysia pada Julai 2026 yang mencatat lebihan langganan sebanyak 4.7 kali ganda dan ditentukan harga pada spread terendah pernah direkodkan berbanding Perbendaharaan AS yang setara iaitu 15 bps bagi tranche 5.75-tahun dan 25 bps bagi 10-tahun.

Keadaan kecairan turut menunjukkan kekuatan pasaran berdaulat. Jumlah dagangan bon Kerajaan meningkat kepada RM383.3 bilion pada suku pertama 2026 daripada RM282.2 bilion pada suku keempat 2025 manakala spread bida-tawar kekal agak ketat. Bon korporat dan sukuk yang didagangkan secara kurang aktif mencerminkan kecenderungan strategi beli dan pegang yang lebih kukuh dalam kalangan pelabur institusi walaupun spread belian-jualan korporat mengecil kepada 12.3 bps pada suku pertama 2026 daripada 13.6 bps pada suku keempat 2025. Secara keseluruhan, indikator tersebut menunjukkan pasaran sekuriti Kerajaan yang matang dan cair dilengkapi oleh segmen bon korporat dan sukuk yang besar walaupun kecairan lebih rendah secara perbandingan (Asian Development Bank, 2026).

Prestasi kukuh pasaran bon mata wang tempatan Malaysia terus disokong oleh asas pelabur yang luas dan pelbagai termasuk penyertaan berterusan daripada pelabur bukan pemastautin. Sehingga akhir Jun 2026, pemegangan bukan pemastautin menyumbang sebanyak 20.6% daripada hutang domestik Kerajaan yang terkumpul (2025: 21.5%) mencerminkan permintaan global yang berterusan untuk kertas berdaulat Malaysia. Sementara itu, penyertaan pelabur asing dalam pasaran bon korporat adalah sebanyak 4.1% (2025: 3.2%). Gabungan permintaan luar untuk sekuriti penanda

aras Kerajaan dan penyerapan bon korporat institusi domestik yang kukuh menyediakan sumber sokongan pasaran yang seimbang merentas keluk kadar hasil. Keluasan permintaan membantu mengekalkan kecairan merentas tempoh matang jangka masa pendek dan panjang, mengawal turun naik kadar hasil serta mengurangkan risiko pembiayaan semula sepanjang spektrum matang.

Sukuk sebagai Pemacu Pasaran Bon Mata Wang Tempatan Malaysia

Sukuk merupakan ciri utama dalam pembangunan pasaran modal mata wang tempatan di Malaysia yang berkembang daripada segmen patuh Syariah yang secara relatif adalah kecil kepada sumber pembiayaan utama bagi pengeluar berdaulat, separa-kerajaan dan korporat. Perkembangan MGII yang selari dengan MGS berserta terbitan sukuk korporat dan GG yang signifikan telah memperluas penawaran instrumen berdenominasi ringgit serta mewujudkan pasaran dua laluan dengan bon konvensional dan sukuk beroperasi secara bersama. Kedalaman pasaran ini diterjemahkan sebagai peneraju pada peringkat global dengan Malaysia menyumbang sekitar 37% daripada jumlah sukuk global terkumpul sekali gus menempatkan negara dalam kalangan pasaran sukuk terbesar di dunia (Bank Negara Malaysia, 2026). Kedudukan negara bukan sahaja membuktikan skala terbitan malah menunjukkan keterangkuman sukuk dalam pembangunan pasaran modal domestik yang lebih luas.

Terbitan sukuk berdaulat secara berkala telah mendorong perkembangan ini dengan mewujudkan keluk penanda aras patuh Syariah yang diyakini. Terbitan ini menjadi rujukan penentuan harga yang telus bagi sukuk korporat dan separa-kerajaan yang membolehkan pelabur secara relatif membuat perbandingan penilaian dengan bon konvensional. Sukuk separa-kerajaan dan GG memperluaskan penawaran instrumen patuh Syariah yang berkualiti tinggi serta membolehkan syarikat infrastruktur, entiti berkaitan Kerajaan dan institusi pembangunan mengakses institusi modal jangka panjang. Perkembangan tersebut diperkukuh oleh tadbir urus Syariah yang konsisten di bawah BNM dan SC. Selain itu, neutraliti cukai dan insentif terpilih serta integrasi penuh ke dalam infrastruktur teras pasaran yang sama digunakan bagi sekuriti konvensional termasuk FAST, RENTAS, agensi penarafan kredit domestik, BPAM dan platform maklumat pasaran. Oleh itu, sukuk berkembang di dalam pasaran pendapatan tetap Malaysia yang lebih luas dan bukannya secara berasingan.

Pasaran sukuk di Malaysia juga telah berkembang dari segi struktur Syariah. Terbitan pada peringkat awal banyak bergantung pada kontrak berasaskan jualan dan pajakan seperti bai' bithaman ajil, murabahah dan ijarah. Pasaran ini kemudiannya berkembang menerusi penggunaan struktur musharakah, wakalah dan hibrid yang mencerminkan kematangan, pemiawaian serta penerimaan yang lebih tinggi dalam kalangan pelabur. Penerimaan Murabahah Komoditi atau tawarruq secara lebih meluas merupakan pencapaian yang signifikan dalam pasaran sukuk. Pada 2007, BNM telah memperkenalkan Program Murabahah Komoditi manakala MGII pula beralih kepada struktur murabahah pada 2013. Susulan itu, struktur berasaskan murabahah semakin kerap digunakan dalam terbitan sukuk Kerajaan mahupun korporat (Bank Negara Malaysia, 2026). Perkembangan ini turut disokong oleh Bursa Suq Al-Sila' (BSAS) yang dilancarkan pada 2009 sebagai platform perdagangan komoditi patuh Syariah yang menyeluruh. Melalui penyediaan mekanisme terkawal bagi transaksi murabahah dan tawarruq berasaskan komoditi termasuk penggunaan komoditi fizikal seperti minyak kelapa sawit mentah, BSAS telah menyokong pelaksanaan struktur sukuk murabahah yang lebih cekap, telus dan seragam bagi terbitan baharu dan transaksi di pasaran sekunder (Bursa Malaysia, 2016).

Pembangunan pasaran yang berintegrasi dan inovasi struktural yang berterusan telah membolehkan sukuk berkembang menjadi instrumen pasaran modal utama disokong oleh asas pelabur yang luas dan pelbagai sekali gus menarik minat pelabur Syariah dan konvensional. Berdasarkan profil risiko yang setara, sukuk boleh dinilai menggunakan pendekatan penentuan harga dan pengurusan portfolio yang hampir serupa seperti instrumen pendapatan tetap konvensional, mengukuhkan peranan sukuk sebagai instrumen pembiayaan, sekuriti penanda aras dan aset portfolio. Ekosistem yang kukuh ini memudahkan inovasi berterusan merangkumi terbitan sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) serta struktur digital dan berasaskan sumbangan seperti Sukuk Prihatin yang diterbitkan pada 2021. Justeru, peranan Malaysia sebagai peneraju pasaran sukuk global membuktikan gabungan elemen penanda aras berdaulat yang diyakini, kejelasan peraturan dan Syariah, kecekapan dan evolusi struktur Syariah, permintaan institusi yang kukuh serta inovasi produk yang berterusan.

Evolusi Peluasan Pasaran kepada Kewangan Mampan

Pasaran bon dan sukuk yang matang membolehkan Malaysia memanfaatkan lagi infrastruktur pasaran sedia ada bagi menyokong keperluan pembiayaan kemampanan, peralihan dan iklim. Pasaran ini berkembang melangkaui peranan tradisi dalam membiayai aktiviti Kerajaan, korporat dan infrastruktur kepada fungsi yang lebih luas iaitu menggerakkan modal jangka panjang bagi transformasi ekonomi, sosial dan alam sekitar. Evolusi ini disokong oleh rangka kerja kawal selia yang semakin berkembang dan insentif dasar yang bersasar. Rangka kerja kawal selia pembiayaan mampan bagi sukuk dan bon di Malaysia adalah seperti dalam Rajah 4.

Rangka Kerja Sukuk SRI yang diperkenalkan pada 2014 telah menyediakan asas awal bagi membiayai projek alam sekitar dan sosial yang layak. Seterusnya, sukuk hijau korporat pertama di dunia telah diterbitkan oleh Malaysia pada 2017 diikuti oleh sukuk lestari berdaulat pertama Malaysia pada 2021. Skim Geran Sukuk dan Bon SRI telah diperkenalkan pada 2018 dan Rangka Kerja Sukuk berkaitan SRI pada 2022 bagi menggalakkan penyertaan sektor korporat yang lebih meluas. Aktiviti pasaran terus berkembang pesat dengan 24 penerbit menyertai pasaran pada 2025 menerusi Sukuk SRI dan Sukuk berkaitan Lestari SRI menjadikan jumlah kumulatif penerbit Sukuk SRI kepada 57 sejak penubuhan. Terbitan sukuk SRI korporat mencapai RM25.95 bilion atau 18.51% daripada jumlah keluaran sukuk korporat pada 2025 manakala sukuk SRI korporat terkumpul meningkat kepada RM52.34 bilion atau 6.48% daripada jumlah sukuk korporat terkumpul pada Disember 2025 berbanding RM34.46 bilion pada 2024 (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2026).

Sukuk hijau dan lestari mampu menggerakkan modal institusi untuk tenaga boleh diperbaharui, infrastruktur rendah karbon, penyesuaian iklim dan keutamaan sosial manakala terma pembiayaan bagi sukuk berkaitan lestari pula terikat dengan pencapaian hasil kelestarian yang boleh diukur. Mekanisme ini menyediakan platform untuk inovasi berterusan termasuk instrumen berimpak sosial dan berorientasikan pembangunan lain yang mampu memperluas peranan pasaran modal dalam menyokong keutamaan negara.

Kewangan mampan wajar dilihat sebagai kesinambungan pembangunan pasaran bon dan sukuk Malaysia yang lebih luas sekali gus membolehkan terbitan instrumen bertema secara berskala besar. Perkembangan ini berlandaskan asas kukuh yang dibina sejak berdekad iaitu penanda

aras berdaulat yang diyakini, permintaan institusi yang kukuh, kepakaran piawaian dan Syariah, infrastruktur terbitan dan penyelesaian yang cekap, perantara yang berkaliber serta ekosistem sukuk yang matang. Kekuatan struktur tersebut meletakkan Malaysia pada kedudukan strategik untuk memanfaatkan pasaran mata wang tempatan yang kukuh iaitu bukan sahaja berperanan sebagai sumber pembiayaan malah menjadi platform untuk menggerakkan modal bagi pembangunan mampan jangka masa panjang.

RAJAH 4. *Rangka Kerja Kawal Selia Mampan Sukuk dan Bon di Malaysia*

Instrumen	Rangka Kerja	Konsep Utama
Sukuk SRI	Rangka Kerja Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab	Hasil terbitan digunakan khusus untuk membiayai projek hijau, sosial, gabungan projek hijau dan sosial atau projek wakaf yang layak
Sukuk berkaitan SRI	Rangka Kerja Sukuk berkaitan Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab	Hasil terbitan boleh digunakan untuk tujuan am dan terma kewangan atau struktur sukuk dikaitkan dengan pencapaian petunjuk prestasi utama (KPI) serta sasaran kemampanan yang telah ditetapkan oleh penerbit
Bon/Sukuk Hijau ASEAN	Piawaian Bon Hijau ASEAN	Hasil terbitan akan digunakan sepenuhnya untuk membiayai atau membiayai semula sama ada sebahagian atau sepenuhnya, Projek Hijau baharu dan/ atau sedia ada yang layak
Bon/Sukuk Sosial ASEAN	Piawaian Bon Sosial ASEAN	Hasil terbitan akan digunakan khusus untuk membiayai atau membiayai semula secara sebahagian atau sepenuhnya Projek Sosial baharu dan/ atau sedia ada yang layak
Bon/Sukuk Lestari ASEAN	Piawaian Bon Lestari ASEAN	Hasil terbitan akan diguna pakai khusus untuk membiayai atau membiayai semula gabungan Projek Hijau dan Sosial yang menawarkan manfaat alam sekitar dan sosial
Bon/Sukuk berkaitan Lestari ASEAN	Piawaian Bon berkaitan Lestari ASEAN	Hasil terbitan boleh digunakan untuk tujuan am dan ciri kewangan dan/atau struktur instrumen boleh berubah bergantung pada pencapaian penerbit hutang terhadap objektif kemampanan, alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang telah ditetapkan

Sumber: ASEAN Capital Markets Forum dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Iktibar daripada Pengalaman Malaysia dan Fasa Pembangunan Pasaran Seterusnya

Pengalaman Malaysia menunjukkan bahawa pasaran mata wang tempatan yang kukuh merupakan hasil daripada pembinaan institusi secara berterusan dan bukan bersandarkan hanya reformasi tunggal. Pembangunan pasaran ini dibentuk oleh terbitan berdaulat yang boleh dijangka, pertumbuhan bon dan sukuk yang selari, keluk penanda aras yang diyakini, kecekapan infrastruktur, permintaan institusi domestik yang kukuh dan peraturan yang progresif. Kesan daripada AFC dan GFC telah memacu proses ini dengan menunjukkan kepentingan saluran pembiayaan domestik yang pelbagai di samping strategi fiskal, monetari dan kawal selia yang teratur.

Kewangan Islam perlu diintegrasikan dalam pembangunan pasaran modal utama dan bukan sebagai segmen khusus yang berasingan. Instrumen sukuk telah memperluas sumber pembiayaan Malaysia, menyokong pembiayaan infrastruktur dan korporat serta mempelbagaikan asas pelabur. Justeru, fasa seterusnya wajar memanfaatkan asas sedia ada dengan memperluas peranan pembangunan pasaran menerusi sukuk berimpak sosial dan berkaitan wakaf. Hasil daripada terbitan ini boleh disalurkan dalam segmen perumahan mampu milik, perkhidmatan kesihatan, pendidikan, daya tahan iklim serta pembangunan komuniti. Pengukuhan tadbir urus, pengawasan Syariah dan pengukuran impak yang diyakini penting untuk mengekalkan keyakinan pelabur seiring dengan instrumen sukuk yang terus berkembang.

Penyertaan pasaran juga perlu diperluas melalui penawaran bon korporat dan sukuk yang lebih mudah dicapai. Usaha ini mampu meningkatkan penyertaan pelabur runcit disokong oleh pendedahan maklumat yang mencukupi, saiz denominasi yang bersesuaian serta saluran pengedaran dan pendidikan pelabur yang berkesan. Libat urus bersama pelabur dari rantau yang mempunyai penyertaan rendah perlu dipergiat bagi melengkapi asas pelabur domestik dan antarabangsa sedia ada. Selain itu, kepelbagaian pelabur dan wilayah geografi akan menyokong kecairan pasaran, mengurangkan penumpuan risiko serta meningkatkan daya tahan pembiayaan semasa ketidaktentuan global.

Iktibar yang lebih luas dapat dilihat dalam ekonomi sedang pesat membangun yang menunjukkan pembangunan pasaran mata wang tempatan melangkaui terbitan hutang domestik. Perkembangan ini memerlukan ekosistem bersepadu yang menggabungkan kredibiliti makroekonomi, penanda aras berdaulat yang kukuh, keberkesanan pengawalseliaan, infrastruktur penyelesaian dan penentuan harga yang diyakini, perantara yang berkaliber serta kepelbagaian asas pelabur. Justeru, pengalaman Malaysia selama tiga dekad membuktikan keseluruhan elemen tersebut mampu mengubah pasaran bon domestik menjadi platform untuk daya tahan kewangan, pelaburan jangka masa panjang dan pembangunan negara yang mampan.

Rujukan

ASEAN Capital Market Forum. (2018). *Piawaian Bon Hijau ASEAN*. https://www.theacmf.org/images/downloads/pdf/AGBS2018.pdf

ASEAN Capital Market Forum. (2018). *Piawaian Bon Sosial ASEAN*. https://www.theacmf.org/images/downloads/pdf/ASBS2018.pdf

ASEAN Capital Market Forum. (2018). *Piawaian Bon Lestari ASEAN*. https://www.theacmf.org/images/downloads/pdf/ASUS2018.pdf

ASEAN Capital Market Forum. (2022). *ASEAN Sustainability-Linked Bond Standards*. https://www.theacmf.org/images/downloads/pdf/ASEAN%20Sustainability-linked%20Bond%20Standards.pdf

Asian Development Bank. (2026). *Asia Bond Monitor*. http://asianbondsonline.adb.org/documents/abm_jun_2026.pdf.

Bank Negara Malaysia. (2026). *Islamic Instruments.* https://financialmarkets.bnm.gov.my/islamic-instruments

Bank Negara Malaysia. (2026). *Ucaptama oleh Timbalan Gabenor Adnan Zaylani Mohamad Zahid di Forum Institusi Kewangan Islam Global 2026Kuala Lumpur.* https://www.bnm.gov.my/-/dgaz-spch-gifif26

Bursa Malaysia (2016). *Sokongan Jawatankuasa Syariah terhadap Proses Bursa Suq Al-Sila'.* https://www.bursamalaysia.com/sites/5d809dcf39fba22790cad230/assets/61006c1e39fba22b114cc435/8__Shariah_Committee_Pronouncement_on_BSAS_Process.pdf

International Islamic Financial Market. (2025). *IIFM Sukuk Report: A comprehensive study of the Global Sukuk Market*. https://www.iifm.net/frontend/general-documents/ba5d1b9f6017d56fb5e9b7e43dfe0f2a1764143300.pdf

Kementerian Kewangan Malaysia. (2010). *Laporan Ekonomi 2009/2010, Bab 5: Perkembangan Monetari dan Kewangan*. https://www.mof.gov.my/portal/arkib/economy/2010/chap5.pdf

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2009). *Langkah baru untuk memudahkan akses yang lebih besar ke pasaran modal***.** https://www.sc.com.my/resources/media/media-release/new-measures-to-facilitate-greater-access-to-the-capital-market

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2026). *Laporan Tahunan 2025*.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2019). *Sustainable and Responsible Investment Sukuk Framework: An Overview.* https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=84491531-2b7e-4362-bafb-83bb33b07416

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2026). *Guidelines on Unlisted Capital Market Products under the Lodge and Launch Framework*. https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=eba1de16-c3f3-43f3-99d1-ac32683bfa45

World Bank Group. (2017). *Malaysia Economic Monitor: Turmoil to Transformation 20 Years after the Asian Financial Crisis*.

World Bank Group. (2024). *Unlocking Local Finance for Sustainable Infrastructure*. https://documents1.worldbank.org/curated/en/099091124150032446/pdf/P179102-e6a66f88-ee32-4553-b4a1-825d8f88cba9.pdf

Hutang Luar Malaysia

Sehingga akhir Jun 2026, hutang luar meningkat sebanyak 8.2% kepada RM1,509.7 bilion bersamaan 69.1% daripada KDNK berbanding RM1,395.5 bilion pada akhir 2025. Peningkatan ini didorong oleh terbitan luar pesisir korporat yang lebih kukuh dan peluasan hutang sektor swasta. Pinjaman luar pesisir yang merupakan komponen terbesar hutang luar meningkat kepada RM784.5 bilion (2025: RM727 bilion) terutamanya disebabkan oleh pinjaman antara bank yang berterusan bagi operasi pengurusan kecairan dan aktiviti kewangan serantau. Pemegangan bukan pemastautin dalam sekuriti hutang berdenominasi ringgit mencatat sebanyak RM309.6 bilion (2025: RM299.4 bilion) disokong oleh permintaan pelabur yang diperbaharui terhadap sekuriti hutang Kerajaan. Sementara itu, deposit bukan pemastautin mencecah RM166.7 bilion sebahagian besarnya didorong oleh penerimaan deposit yang berterusan oleh pemain utama pasaran. Pada masa yang sama, hutang luar lain meningkat kepada RM248.9 bilion terutamanya disebabkan oleh kredit perdagangan korporat yang lebih tinggi bagi transaksi berkaitan import.

Kedudukan hutang luar Malaysia kekal terurus disokong oleh struktur tempoh matang, kepelbagaian komposisi mata wang dan langkah perlindungan berhemah seperti rangka kerja mata wang asing yang menentukan had dan syarat ke atas pinjaman mata wang asing tertentu. Risiko pembiayaan semula berjaya dikawal dengan berkesan iaitu 55.7% daripada jumlah hutang luar matang dalam tempoh jangka sederhana hingga panjang. Daripada perspektif mata wang, sekitar satu pertiga daripada hutang luar didenominasi dalam ringgit manakala selebihnya dalam mata wang asing sekali gus menunjukkan kepelbagaian struktur portfolio hutang luar Malaysia.

JADUAL 4.5. *Hutang Luar, 2025 – 2026*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2025	2026[3]	2025	2026[3]	2025	2026[3]
Pinjaman luar pesisir	**726,989**	**784,505**	***52.1***	***52.0***	***35.9***	***35.9***
Hutang jangka sederhana dan panjang	467,532	503,254	*33.5*	*33.3*	*23.1*	*23.0*
Sektor awam	146,814	142,251	*10.5*	*9.4*	*7.3*	*6.5*
Kerajaan Persekutuan	18,090	15,469	*1.3*	*1.0*	*0.9*	*0.7*
Syarikat awam	128,724	126,782	*9.2*	*8.4*	*6.4*	*5.8*
Sektor swasta	320,718	361,003	*23.0*	*23.9*	*15.8*	*16.5*
Hutang jangka pendek	259,458	281,252	*18.6*	*18.7*	*12.8*	*12.9*
Pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin	**299,448**	**309,595**	***21.4***	***20.5***	***14.8***	***14.2***
Hutang jangka sederhana dan panjang	289,037	291,559	*20.7*	*19.3*	*14.3*	*13.4*
Kerajaan Persekutuan	276,909	278,857	*19.8*	*18.5*	*13.7*	*12.8*
Lain-lain[1]	12,128	12,702	*0.9*	*0.8*	*0.6*	*0.6*
Hutang jangka pendek	10,412	18,036	*0.7*	*1.2*	*0.5*	*0.8*
Deposit bukan pemastautin	**151,539**	**166,650**	***10.9***	***11.0***	***7.5***	***7.6***
Lain-lain[2]	**217,520**	**248,942**	***15.6***	***16.5***	***10.7***	***11.4***
Jumlah	**1,395,497**	**1,509,693**	***100.0***	***100.0***	***68.9***	***69.1***

[1] Termasuk sektor swasta dan syarikat awam
[2] Termasuk kredit perdagangan, peruntukan Hak Pengeluaran Khas IMF dan lain-lain
[3] Akhir Jun 2026
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran

Sumber: Bank Negara Malaysia

Hutang Sektor Awam

Sehingga akhir Jun 2026, hutang sektor awam Malaysia meningkat sebanyak 3.2% kepada RM1,814.4 bilion atau 83% daripada KDNK (2025: RM1,758.0 bilion; 86.8% daripada KDNK). Peningkatan ini didorong oleh hutang Kerajaan Persekutuan yang lebih tinggi merangkumi 76% daripada jumlah hutang sektor awam.

Hutang badan berkanun dijamin Kerajaan meningkat kepada RM113.7 bilion berikutan terbitan baharu oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) untuk menyokong pengeluaran pinjaman perumahan dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk pinjaman pendidikan.

Manakala, hutang bersih syarikat awam bukan kewangan telah berkurang kepada RM321.9 bilion terutamanya disebabkan oleh pembayaran balik prinsipal berjadual oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB), Pengurusan Air SPV Sdn. Bhd. dan TRX City Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun, pengurangan ini sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan aktiviti pembiayaan daripada entiti seperti Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. dan Prasarana Sdn. Bhd. Secara keseluruhan, pendedahan sektor awam terhadap risiko pertukaran mata wang asing kekal terkawal dengan 92.2% daripada jumlah hutang didenominasi dalam ringgit sekali gus menekankan komposisi hutang yang berhemah dan pengurusan risiko mata wang yang berkesan.

JADUAL 4.6. *Hutang Sektor Awam, 2025 – 2026*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2025	2026[1]	2025	2026[1]	2025	2026[1]
Kerajaan Persekutuan	**1,320,777**	**1,378,894**	***75.1***	***76.0***	***65.2***	***63.1***
Dalam negeri	1,299,661	1,362,226	*73.9*	*75.1*	*64.2*	*62.3*
Luar pesisir	21,116	16,668	*1.2*	*0.9*	*1.0*	*0.8*
Badan berkanun	**110,912**	**113,689**	***6.3***	***6.3***	***5.5***	***5.2***
Dalam negeri	110,912	113,689	*6.3*	*6.3*	*5.5*	*5.2*
antaranya: Dijamin	110,912	113,689	*6.3*	*6.3*	*5.5*	*5.2*
Luar pesisir	-	-	-	-	-	-
Syarikat awam bukan kewangan	**326,272**	**321,857**	***18.6***	***17.7***	***16.1***	***14.7***
Dalam negeri	199,510	197,032	*11.4*	*10.8*	*9.8*	*9.0*
antaranya: Dijamin	199,510	197,032	*11.4*	*10.8*	*9.8*	*9.0*
Luar pesisir	126,762	124,825	*7.2*	*6.9*	*6.3*	*5.7*
antaranya: Dijamin	39,285	40,747	*2.2*	*2.2*	*1.9*	*1.9*
Jumlah	**1,757,961**	**1,814,440**	***100.0***	***100.0***	***86.8***	***83.0***

[1] Akhir Jun 2026

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Tinjauan 2027

Melangkah ke hadapan, strategi pembiayaan dan pengurusan hutang Kerajaan Persekutuan akan terus mengutamakan pembangunan negara di samping mengimbangi kepentingan untuk mengekalkan daya tahan fiskal serta kemampanan hutang. Selaras perkembangan yang dicapai menerusi komitmen konsolidasi fiskal, Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada usaha mengawal pinjaman sekali gus mengurus jumlah hutang terkumpul dan membina semula penampan fiskal selaras dengan objektif fiskal jangka masa sederhana yang ditetapkan di bawah Akta 850.

Mengambil kira mandat ini, keperluan pembiayaan kasar dan pinjaman baharu akan terus diurus secara berhemah dengan pinjaman domestik kekal sebagai sumber utama pembiayaan Kerajaan. Pasaran modal hutang domestik Malaysia yang meluas dan berkecairan tinggi menyediakan asas pembiayaan yang stabil membolehkan Kerajaan mengekalkan portfolio hutang berdenominasi ringgit, sekali gus mengawal pendedahan terhadap turun naik tukaran mata wang asing. Justeru, program pinjaman akan terus diselaraskan mengikut keadaan pasaran, keperluan pembiayaan dan objektif untuk mencapai keseimbangan antara kos dengan risiko secara optimum.

Pada masa yang sama, Kerajaan akan mengekalkan fleksibiliti untuk mengakses pasaran modal antarabangsa secara selektif dan strategik bersesuaian dengan manfaat kos pembiayaan, pembangunan pasaran dan kepelbagaian pelabur. Usaha ini antara lain termasuk terbitan instrumen konvensional dan patuh Syariah serta terbitan bertema, yang akan melengkapi dan tidak menggantikan pembiayaan domestik di samping memperkukuh kedudukan negara dalam pasaran Islam dan kewangan mapan di peringkat global.


Secara keseluruhan, strategi hutang adalah selaras dengan RMK13 yang menggariskan peranan sumber awam sebagai pemangkin kepada pelaburan bernilai lebih tinggi dan bukan merupakan sumber tunggal pembiayaan pembangunan. Justeru, menggerakkan modal swasta, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan, kerjasama awam-swasta dan pembiayaan alternatif lain adalah penting bagi memperluas kapasiti pengeluaran dan infrastruktur negara di samping mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman Kerajaan.

Berlandaskan keadaan pasaran hutang antarabangsa, tahap hutang global dijangka kekal tinggi terutamanya dalam kalangan ekonomi utama di samping persekitaran kadar faedah yang tinggi. Sehubungan dengan itu, strategi pengurusan hutang dan pembiayaan Kerajaan pada 2027 akan kekal responsif disokong oleh pemantauan berterusan terhadap pergerakan kadar faedah, permintaan pelabur dan kecairan pasaran. Keutamaan akan diberikan kepada kos pinjaman yang optimum serta mengurangkan risiko pembiayaan semula dengan fleksibiliti untuk menyelaras jadual terbitan, gabungan instrumen dan tempoh matang.


Kesimpulan

Seiring dengan pelaksanaan RMK13, kedudukan fiskal yang kukuh dan mampan penting bagi memastikan keutamaan pembangunan dapat dilaksanakan tanpa menjejaskan daya tahan fiskal jangka masa panjang. Kerangka tadbir urus fiskal yang diperkasa di bawah Akta 850 termasuk sasaran defisit dan hutang jangka sederhana, mengukuhkan komitmen Kerajaan terhadap pengurusan fiskal yang berdisiplin, akauntabiliti yang lebih tinggi dan pembaharuan struktur berterusan. Komitmen ini akan memastikan kos pinjaman kekal berpatutan, risiko diurus dengan baik dan ruang fiskal dibina semula secara berperingkat di samping penyaluran sumber awam kepada pelaburan yang produktif dan berimpak tinggi. Pada masa yang sama, penyelarasan erat antara pihak berkuasa fiskal dan monetari terus diperkukuh untuk memastikan operasi pembiayaan Kerajaan dilaksanakan secara teratur demi kemampanan hutang dan kestabilan makroekonomi negara.


RAJAH 4.1. *Terbitan mengikut Tempoh Matang*




RAJAH 4.2. *Nisbah BTC Terbitan MGS dan MGII*




RAJAH 4.3. *Keluk Kadar Hasil Penanda Aras MGS*



RAJAH 4.4. *Kadar Hasil Indikatif MGS*




RAJAH 4.5. *Komposisi Hutang Kerajaan Persekutuan*




¹ Akhir Ogos 2026
² Akhir Jun 2026

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Bloomberg


RAJAH 4.6. *Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Pemegang*




RAJAH 4.7. *Pemegangan Hutang dalam Denominasi Ringgit oleh Bukan Pemastautin*




RAJAH 4.8. *Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Baki Tempoh Matang*



RAJAH 4.9. *Bayaran Khidmat Hutang*



RAJAH 4.10. *Profil Kematangan Hutang*



¹ Akhir Jun 2026
² Anggaran disemak

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia